

PM umum langkah kurangkan jurang pendidikan luar bandar

7 lonjakan perdana

Oleh **HABIBAH OMAR**
dan **HELMI MOHD FOAD**

PUTRAJAYA 5 Okt - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan tujuh langkah lonjakan perdana pendidikan luar bandar' bertujuan mengurangkan jurang prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) memberitahu, langkah-langkah itu juga diperkenalkan bagi memartabatkan perkhidmatan perguruan di luar bandar.

Antaranya ialah memantapkan perkhidmatan prasekolah di luar bandar dengan membina lebih 2,400 kelas yang akan memberi faedah kepada hampir 61,000 kanak-kanak di seluruh negara serta penyediaan latihan guru prasekolah dan kemudahan komputer.

"Kerajaan juga akan memperbaiki kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam bagi 900 buah sekolah dan bekalan air bersih kepada 300 buah sekolah.

"Impak pendekatan lonjakan perdana pendidikan luar bandar ini akan mengurangkan perbezaan prestasi pendidikan antara sekolah-sekolah luar bandar dan bandar.

"Ia juga akan mengurangkan keciciran di kalangan pelajar-pelajar di luar bandar di samping memartabatkan perkhidmatan perguruan di luar bandar," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat NITF kali kelima di pejabatnya, di sini hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah tersebut juga melibatkan pembinaan asrama baru, tambahan dan gantian yang memberi faedah kepada 65,000 pelajar, selain peruntukan makanan kepada 280,000 murid sekolah di asrama terbabit.

Katanya, sistem pengajaran dan pembelajaran akan diperbaiki dengan menyediakan makmal komputer, kelengkapan web-TV, sistem komunikasi seperti telefon satelit dan kemudahan faksimile tanpa talian.

7 lonjakan perdana

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi; Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor; Mohamed Yacop dan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Perdana Menteri berkata, peruntukan bagi rancangan tambahan pemberian makanan melibatkan 550,000 murid miskin di luar bandar juga akan ditambah.

Abdullah berkata, dalam usaha memartabatkan perkhidmatan perguruan, kemudahan elaun khas lokasi, elaun balik kampung, pembaikan rumah guru dan pembekalan perabot di rumah guru akan dilaksanakan.

Beliau menambah, kelas pemulihan di luar bandar juga dipertingkatkan untuk memperkukuhkan penguasaan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira melibatkan lebih 5,000 darjah.

"Peruntukan tambahan bagi projek-projek tersebut sedang diteliti dengan mendalam oleh kerajaan," kata Perdana

Menteri.

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan menasaskan sebanyak 200 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dapat dikeluarkan tender sebelum hujung tahun ini bagi memastikan dapat segera dilaksanakan.

Perdana Menteri berkata, setakat ini sebanyak 50 projek telah dikeluarkan tender dan sebuah pasukan diwujudkan supaya projek tersebut dapat dipercepatkan.

"Saya mahu ia dilakukan dengan cepat tetapi memang banyak yang hendak dilaksanakan, sebelum ini sudah susun projek yang hendak dilaksanakan dan tentu ia mengambil masa.

"Antara langkah yang diambil ialah penyumberan luar kerja teknikal untuk dipercepatkan reka bentuk teknikal dan reka bentuk binaan.

"Disebabkan terlalu banyak, maka difikir kerja seperti itu diberikan kepada perunding," katanya.